

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 14.10.2024 MASA: 05.10PM

**MUKTAMAD**



## **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **TEKS UCAPAN**

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN  
ABDUL HAMID  
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### **SEMPENA**

**SESI LIBAT URUS SISTEM SARAAAN  
PERKHIDMATAN AWAM (SSPA)**

### **TARIKH / MASA / TEMPAT**

**16 OKTOBER 2024 (RABU)  
09.40 PAGI**

**DEWAN SP ARENA  
SEBERANG JAYA**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

1. **Yang Dihormati Barisan Whip Ahli Majlis**  
**En Bernard Cheen Goon Hoi**  
**En Zainuddin Bin Mohamed**  
**Datuk Mohd Noor Bin Ahmad**  
**En Muhamad Suzuki Bin Ahmad**  
Whip Ahli Majlis  
Majlis Bandaraya Seberang Perai
  
2. **Yang Dihormati Barisan Ahli-Ahli Majlis**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai
  
3. **Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor**  
Setiausaha Bandaraya  
Majlis Bandaraya Seberang Perai
  
4. **Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai
  
5. **Kakitangan-kakitangan Majlis Bandaraya Seberang Perai**
  
6. **Rakan-Rakan Media**
  
7. **Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

\*\*\*\*\*TAMAT\*\*\*\*\*

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah izinnya jua, kita diberi kesempatan untuk bertemu dalam **Program Sesi Libat Urus Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA)** pada pagi ini di Dewan SP Arena, Seberang Jaya.
2. Ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Yang Berusaha Tuan Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan MBSP, kesemua peserta (seramai 1,600 orang) yang terdiri dari warga kerja Majlis Bandaraya Seberang Perai yang bertaraf tetap, dan semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan program pada pagi ini.
3. Sekalung penghargaan saya ucapkan kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia MBSP kerana telah berjaya menganjurkan **Program Sesi Libat Urus Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA)** pada pagi ini.
4. Seperti yang kita semua sedia maklum, Kerajaan Malaysia telah memulakan kajian terhadap sistem saraan perkhidmatan awam bermula Julai 2023 yang memfokuskan kepada aspek kemampuan saraan, pembangunan organisasi dan pengurusan bakat. Setelah mengambil kira pelbagai faktor, Kerajaan bersetuju agar Sistem

Saraan Malaysia (SSM) digantikan kepada Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) berkuatkuasa mulai 1 Disember 2024.

5. SSPA merupakan satu inisiatif yang diperkenalkan oleh kerajaan bagi menjayakan reformasi perkhidmatan awam untuk memperbaharui dan meningkatkan kualiti perkhidmatan awam. Justeru, fokus SSPA tertumpu kepada aspek mempertingkatkan produktiviti perkhidmatan awam, menangani pendapatan yang tidak seiring dengan kos sara hidup serta mengukuhkan kemampanan fiskal negara.
6. SSPA dirangka sebagai satu sistem saraan yang berteraskan kepada aspek prestasi. Selaras dengan hasrat untuk memastikan peningkatan produktiviti dalam perkhidmatan awam dan menjaga kesejahteraan pegawai, prinsip pemberian ganjaran berasaskan prestasi dan tatakelakuan akan diperkenalkan.
7. Terdapat dua (2) aspek yang akan diketengahkan dalam SSPA ini iaitu aspek mengoptimumkan sumber dan aspek pengurusan dan pembangunan bakat.
8. Seperti yang telah dimaklumkan, Kerajaan turut komited dalam memastikan nasib penjawat awam sentiasa terbela. Sehubungan itu, selaras dengan keprihatinan Kerajaan, pelarasan gaji adalah;
  - i. sebanyak 15% kepada pegawai Kumpulan Pelaksana dan pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional; dan

- ii. sebanyak 7% kepada pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi.
9. Pemberian pelarasan gaji ini akan dilaksanakan secara berfasa iaitu pada 1 Disember 2024 bagi Fasa 1 dan pada 1 Januari 2026 bagi Fasa 2. Pegawai Kumpulan Pelaksana dan pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional akan menerima pelarasan gaji Fasa 1 sebanyak 8% serta 7% bagi Fasa 2. Bagi pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi (KPT), pelarasan gaji yang diberikan adalah sebanyak 4% bagi Fasa 1 dan 3% bagi Fasa 2.
10. Kerajaan turut bersetuju supaya Gaji Permulaan Terendah (GPT) dalam Perkhidmatan Awam ditambah baik kepada RM1,500.00 sebulan. Gaji penjawat awam yang sedang berkhidmat akan diselaraskan pada 1 Disember 2024, manakala penyelarasan pensen juga akan dilaksanakan berdasarkan pelarasan ke atas gaji akhir pesara.
11. Dalam usaha untuk meningkatkan motivasi kerja Kumpulan Pelaksana, satu bentuk insentif berasaskan prestasi akan diberikan kepada pegawai yang telah mencapai tempoh perkhidmatan sekurang-kurangnya enam (6) tahun selepas *Time-Based* Kecemerlangan (TBK) ke-2. Insentif ini bersamaan dengan kadar satu (1) kenaikan gaji tahunan (KGT) gred jawatan semasa pegawai. Manakala kemajuan kerjaya Kumpulan Pengurusan dan Profesional Perkhidmatan Awam juga akan ditambah baik.

12. Perincian berhubung pelarasan gaji dan pengukuhan elemen-elemen perkhidmatan awam berdasarkan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2024) akan dihuraikan oleh Encik Mohd Hairol bin Man, Ketua Bahagian Pengurusan Sumber Manusia sebentar nanti.
13. Saya percaya taklimat yang akan diberikan dalam Sesi Libat Urus (SLU) ini akan memberikan penjelasan yang lebih mendalam mengenai pemilihan opsyen SSPA.
14. Tuan-tuan dan puan-puan juga boleh mendapatkan maklumat lanjut dan pencerahan bagi sebarang pertanyaan yang mungkin timbul melalui sesi soal jawab nanti.
15. Sebelum menutup ucapan, sekali lagi saya berterima kasih kepada semua yang hadir ke Sesi Libat Urus Sistem Saraan Perkhidmatan Awam pada hari ini. Terima kasih juga kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia MBSP kerana dapat mengadakan sesi pada hari ini.
16. Dengan kata-kata itu, saya dengan lafaz **Bismillahi Rahmanir Rahim**, merasmikan **Program Sesi Libat Urus Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA)**.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***